


# LAPORAN TAHUNAN PKINK 1991



**Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan**  
Kelantan State Economic Development Corporation



# **LAPORAN TAHUNAN PKINK**

# **1991**

**PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN**

---

## **KANDUNGAN**

### **Muka Surat**


1.	Ahli Lembaga Pengarah	3 - 4
2.	Ahli Pengurusan	5 - 6
3.	Carta Organisasi PKINK 1991	7
4.	Penyata Pengerusi	8 - 20
	- Prestasi Kewangan	
	- Tinjauan Operasi	
	- Aktiviti Syarikat Anak	
	- Cabaran dan Harapan	
5.	Carta Korporat 1991	22 - 24
6.	Di sekitar 1991	26 - 28
7.	Penyata Kewangan	30 - 57



**AHLI  
LEMBAGA  
PERBADANAN  
1991**

*Laporan Tahunan PKTMK 1991*

---



***YAB Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat***

---

YAB Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat  
**Menteri Besar Kelantan**

YB Tuan Haji Ab. Halim bin Abdul Rahman  
**Timbalan Menteri Besar Kelantan**

YB Tuan Haji Mohd Rozali bin Isohak  
**Timbalan Menteri Besar Kelantan**

YB Dato' Haji Wan Hashim bin Wan Ahmad  
**Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Kelantan**

YB Dato' Haji Hassan bin Yusoff  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan**

YB Dato' Haji Abdul Razak bin Salleh  
**Pegawai Kewangan Negeri**

YB Tuan Haji Nik Abdullah bin Arshad  
**Ahli Parlimen Pengkalan Chepa**

YM Dato' Tengku Zainal Adlin bin Tengku Mahmood  
**Timbalan Pengarah Yayasan Sabah**

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Nordin bin Zakaria  
**Ahli Perniagaan**

Tuan Haji Ahmad Dhaman Huri bin Mohd Ali  
**Ketua Penolong Setiausaha**  
**Kementerian Perusahaan Awam**

Puan Zainun Aishah bt Dato' Ahmad  
**Timbalan Ketua Pengarah**  
**(Pembangunan MIDA)**

Puan Mazenah bt Meon  
**Penolong Pengarah Kanan Bahagian**  
**Belanjawan Perbendaharaan Malaysia**



**AHLI  
PENGURUSAN**



**Tuan Haji Wan Ab. Rashid Bin Haji Wan Ishak**

---

Tuan Haji Wan Ab. Rashid bin Haji Wan Ishak  
**Pengurus Besar**

Tuan Haji Abdullah Muhammad  
**Timbalan Pengurus Besar**

Tuan Haji Abd. Rahman bin Haji Hussain  
**Pengurus Kewangan**

Tuan Haji Hussain bin Yusoff  
**Pengurus Projek dan Penyelarasian**

Che Ani bin Khamis  
**Pengurus Audit Dalam**

Encik Nik Mustapha bin Nik Muhammad  
**Pengurus Pembangunan Sumber Manusia**

Encik Abdul Rashid bin Ibrahim  
**Pengurus Galakan Pelaburan**

Encik Jumodi bin Abdullah  
**Pengurus Projek Khas**

Tuan Haji Abas Salleh  
**Pengurus Hal Ehwal Korporat**

Encik Nik Muhammad bin Nik Ab. Kadir  
**Pengurus Urusetia dan Perhubungan Awam**


Encik Zainal bin Ab. Rahim  
**Pengurus Teknik**

Encik Ab. Aziz Ab. Rahman  
**Pengurus Pertanian**



**CARTA  
ORGANISASI  
PKINK  
1991**

*Laporan Tahunan PKINK 1991*



**PENYATA  
PENGERUSI**



**PENYATA  
PENGERUSI**

Dengan nama Allah Yang Maha pengasih Lagi Maha Penyayang.

Marilah kita sama-sama mengucap syukur ke Hadrat Allah Subhanahuwata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita meneruskan urusan perniagaan ini demi kesejahteraan ummah.

Bagi pihak Lembaga Perbadanan, saya bersyukur kerana dapat membentangkan Laporan Tahunan PKINK bagi Tahun Kewangan 31hb. Disember, 1991.

Tahun 1991 merupakan detik permulaan bagi satu era baru dalam kepimpinan dan pentadbiran Perbadanan yang berlandaskan keislaman dan kesejahteraan Ummah. Sehubungan dengan itu aktiviti-aktiviti Perbadanan juga telah diselaraskan dengan dasar dan matlamat baru Kerajaan Negeri yang berteraskan kepada penerapan nilai-nilai dan iktisad keislaman.

Fokus utama Perbadanan dalam Tahun 1991 masih lagi kepada Sektor Hartanah, Pertanian dan Pelancongan. Sebahagian besar daripada projek-projek yang diluluskan dalam tahun 1991 telah mendapat keuntungan yang baik kepada Perbadanan dan ini telah dapat mengukuhkan kedudukan kewangan Perbadanan.

**PRESTASI KEWANGAN**

Pendapatan Perbadanan pada tahun ini telah meningkat sebanyak RM2.2 juta kepada RM15.6 juta berbanding RM13.4 juta pada tahun sebelumnya. Bagaimanapun pencapaian Perbadanan di sepanjang tahun telah merosot sedikit menyebabkan keuntungan terkumpul Perbadanan yang berakhir pada 31hb. Disember, 1991 merosot kepada RM30.1 juta.

Jumlah hasil sewaan telah meningkat sebanyak RM0.8 juta kepada RM7 juta berbanding dengan RM6.2 juta yang dicapai pada tahun lalu. Peningkatan jumlah hasil sewaan disebabkan terutamanya oleh pewujudan cara yang lebih sistematik dan teratur dalam mendapat penyewa-penyewa baru.


Keuntungan projek pembangunan juga merupakan pendapatan kedua terbesar dengan mencatat kenaikan sebanyak RM1.6 juta kepada RM3.38 juta daripada RM1.78 juta pada 1990. Dari jumlah tersebut sumbangan terbesar datang daripada projek tanah bernilai sebanyak RM1.2 juta, pembaharuan bandar RM1.2 juta, perumahan RM0.5 juta, kawasan perindustrian RM0.3 juta dan rumah kedai RM57,925.

Pada tahun ini dividen yang diterima daripada syarikat anak dan bersekutu mencatatkan kenaikan sebanyak RM0.4 juta kepada RM0.95 juta sementara yuran teknikal mencatatkan pendapatan sebanyak RM0.4 juta.

## ANALISA PENDAPATAN PKINK


BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1991

Jumlah Pendapatan : RM15.6 Juta




## ANALISA PERBELANJAAN PKINK

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1995



Keseluruhan perbelanjaan operasi telah meningkat dari RM14.9 juta pada tahun 1990 kepada RM16.7 juta pada tahun ini. Pertambahan sebanyak RM1.8 juta disebabkan peruntukan hapuskira yang dibuat dalam tahun ini sebanyak RM1.257 juta. Perbelanjaan mengurus tahun semasa juga mencatatkan pertambahan sebanyak RM0.6 juta kepada RM6.1 juta berbanding RM5.5 juta tahun lalu.

Perbelanjaan terbesar adalah belanja kewangan sebanyak RM7 juta berbanding RM6.2 juta pada tahun 1990. Dari jumlah tersebut sejumlah RM6.9 juta merupakan faedah pinjaman Kerajaan Pusat yang diakaunkan dalam tahun ini. Susutnilai harta tetap pula ialah sebanyak RM1.7 juta.



## **TINJAUAN OPERASI**

Penyusunan semula projek-projek pembangunan yang dilaksanakan telah mendatangkan hasil kepada Perbadanan . Selain itu dasar jimat cermat yang diamalkan oleh Perbadanan telah dapat mengawal kos operasi yang kian meningkat. Peranan Perbadanan dalam sektor perindustrian, pertanian dan perdagangan menjadi sangat penting dalam membantu negeri meningkatkan lagi usaha Perbadanan dalam mengembangkan ekonomi negeri. Perkembangan positif di dalam ketiga-tiga sektor telah membantu menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan serta mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi negeri yang sememangnya sedang berkembang pesat. Permintaan yang semakin bertambah ke atas kawasan perindustrian membuktikan negeri Kelantan merupakan sebuah negeri yang diminati oleh pelabur sama ada dari luar atau dalam negeri. Selain daripada kemasukan

*Projek Perumahan  
Kos Rendah*



pelabur baru, banyak juga permohonan yang diterima daripada pelabur-pelabur sedia ada untuk terus mengembangkan industri mereka. Selain dari itu, kerjasama di antara pihak Perbadanan dan sektor swasta juga turut berkembang dengan pesat. Perkembangan ini telah dapat membantu Perbadanan merancang serta melaksanakan lebih banyak lagi projek-projek pembangunan yang boleh meningkatkan lagi fungsinya sebagai agen perubahan utama ekonomi negeri ini.





..... Pembaharuan

Bandar Kota Bharu



Memandangkan pertanian komersil mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan, Perbadanan berusaha meningkatkan lagi penglibatannya dalam bidang ini terutama melalui usahasama dengan syarikat swasta sama ada dari dalam negeri atau luar negara.

Perbadanan juga memenuhi permintaan ke atas rumah kediaman dan perkedaian terutama di kawasan bandar Kota Bharu dan juga di bandar-bandar besar di negeri ini. Perbadanan telah mengenalpasti beberapa projek yang boleh dimajukan serta mempunyai daya maju yang tinggi untuk dilaksanakan tahun ini.

## **PERTANIAN**

Perbadanan telah merangka perancangan bagi tempoh lima dan sepuluh tahun sebagai persediaan awal untuk melaksanakan projek pertanian komersil. Bahagian Pertanian Perbadanan telah diwujudkan khusus untuk menjalankan kajian dan melaksanakan projek-projek pertanian. Menerusi perancangan ini, bidang pertanian yang berpotensi untuk dimajukan seperti mewujudkan ladang nukleus, ladang rakyat dan agro-tourism yang boleh memberi keuntungan akan diberi perhatian.



*Projek Akuakultur  
di Pulau Timun,  
Tumpat*




*Pusat  
Penetasan  
Udang Harimau*

## **PEMBALAKAN**

Akitiviti utama pembalakan dijalankan oleh syarikat anak Perbadanan iaitu Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd. Perbadanan hanya menumpukan dalam kerja-kerja pengeluaran saki baki kayu daripada kawasan-kawasan yang akan dijadikan tapak ladang pertanian dan juga mengurus kutipan tribute daripada kawasan konsesi.






*Kompleks Bersepadu Kemubu (KPK)*

### **PELANCONGAN**

Industri Pelancongan telahpun berkembang pesat dan memberi pulangan yang baik. Perbadanan mengambil kesempatan ini dengan mengenalpasti dan membangunkan destinasi pelancongan yang baru seperti di Lojing dan Dabong.



*Air Terjun Stong, Jelawang*



*Rangkaian kemudahan penginapan yang selesa*

Tidak ketinggalan kemudahan-kemudahan lain seperti hotel-hotel penginapan dan rangkaian kemudahan sampingan turut ditambah di samping mempertingkatkan kerja-kerja promosi dan pemasaran.

### **PERINDUSTRIAN**

Perbadanan mengambil langkah menggalakkan pengusaha-pengusaha kilang di Pantai Barat yang ingin mengembangkan operasi mereka supaya mendirikan cawangan-cawangan mereka di negeri ini. Tumpuan diberikan kepada kilang-kilang yang mempunyai ramai pekerja dari negeri ini serta bermasalah dalam mendapat pekerja tempatan. Kerja-kerja mempromosi dan memasarkan kawasan-kawasan perusahaan di Pengkalan Chepa, Tanah Merah, Gua Musang dan Jeli terus dipertingkatkan.





*Pembangunan Industri  
di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa*

## **AKTIVITI SYARIKAT ANAK**

Permodalan Kelantan Berhad merupakan badan pelaburan terpenting PKINK yang dipertanggungjawab mengawal sembilan syarikat anak iaitu Binaraya PKINK Sdn. Bhd. (Pemaju Perumahan), Kijang Kuari Sdn. Bhd. (Kuari) Bloomingdale Advertising Sdn. Bhd. (Perunding Percetakan), Kelkon Sdn. Bhd. (Pemborong Binaan), Perkel Sdn. Bhd. (Pelaburan), Kleartex Sdn. Bhd. (Pengeluar dan pengedar sarung tangan getah), Prokel Management Sdn. Bhd. (Pengurusan sewaan dan senggaraan bangunan), PKB-MMC Sdn. Bhd. (Perlombongan emas) dan Perusahaan Tembakau Kelantan Sdn. Bhd. (Penanaman dan pengawetan tembakau). Seterusnya PKB mula meninjau peluang dan kemungkinan membuka Ar-Rahn, sebuah syarikat gadaian secara Islam, menyelaras syarikat-syarikat anak di bawah kawalannya dan turut menyediakan khidmat kesetiausahaan.



*Ladang getah di Sungai Terah, Gua Musang*

Syarikat Ladang Sungai Terah pula merupakan syarikat milik penuh PKINK yang satu-satunya menceburi bidang peladangan getah dan muncul sebagai sebuah ladang getah tunggal terbesar di Malaysia yang mengeluarkan getah SMR. Ia kini telah menubuhkan sebuah kilang iaitu Latex Concentrate Sdn. Bhd. yang mengendalikan kilang susu getah.


*Pertumbuhan pesat sektor berdasarkan sumber pengeluaran susu getah*





*Gambar Kiri :*

*Hotel Perdana  
Mencatat keuntungan  
RM1.9 juta*



*Gambar Kanan :*

*Perdana Resort*

Hotel Perdana merupakan hotel milik penuh PKINK yang bertaraf antarabangsa serta dilengkapi dengan kemudahan serba mewah. Selain dari bilik-bilik penginapan, hotel ini juga menyediakan kemudahan rekreasi, kompleks sukan, gimnasium, kolam renang dan lain-lain. Perbadanan juga mempunyai sebuah hotel tepi pantai iaitu Perdana Resort di Pantai Cahaya Bulan yang menyediakan chalet dan lain-lain kemudahan. Pada tahun ini pembinaan Perdana Resort Fasa II sedang dalam tumpuan. Untuk memberi keselesaan kepada pengunjung, ruang legar dan Restoran di Hotel Perdana juga telah diubahsuai.

Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd. adalah syarikat milik penuh PKINK yang mengusahakan pembalakan dan mengurus pengeluaran balak ke atas konsesi hutan seluas 92,000 hektar. Selain dari itu KPK juga mempunyai sebuah kilang papan yang terbesar di Kelantan bagi memproses kayu hutan yang mempunyai kemudahan mengeluarkan kayu gergaji, kiln-drying dan moulding. Di samping itu, KPK juga mempunyai sebuah syarikat anak iaitu Setong Development Sdn. Bhd. bagi menguruskan kerja-kerja pembalakan. Kini KPK sedang merancang bagi melaksanakan projek-projek hiliran dalam industri berdasarkan perkayuan.

## **CABARAN DAN HARAPAN**


Perbadanan akan terus menghadapi cabaran dan halangan bagi meningkatkan lagi prestasinya di tahun-tahun akan datang. Justeru itu, Perbadanan telah mengambil langkah-langkah awal bagi memperkuatkan kedudukan operasi dan kewangan.

Aspirasi rakyat yang ingin melihat negeri Kelantan bergerak ke tahap yang lebih cemerlang dalam bidang industri, perumahan dan lain-lain akan menjadi perangsang kepada Perbadanan untuk meneruskan segala usaha dan menumpukan tenaganya dalam meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan asas serta memperbanyak lagi penyertaan Bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian.

Harapan untuk masa depan yang cerah mestilah diasaskan kepada kenyataan yang sebenarnya sebagai sebuah agensi utama Kerajaan Negeri, Perbadanan sedar akan tanggungjawab dan tugas yang harus dipikul dan dilaksanakan untuk usaha-usaha pembangunan. Segala langkah yang telah diambil berjalan dengan baik, namun kejayaan sebenarnya akan bergantung kepada kejayaan ekonomi secara amnya.

Bagi pihak Lembaga Perbadanan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Agensi-agensi kerajaan dan swasta di atas sokongan, bantuan dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang tahun ini. Di atas khidmat bakti yang tulus ikhlas dari segenap lapisan, pengurusan dan kakitangan, saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Sekian



**Tuan Guru Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat  
Menteri Besar Negeri Kelantan Darulnaim  
Merangkap Penggerusi Perbadanan**



**Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan**


**CARTA  
KORPORAT  
1991**




**CARTA  
KORPORAT  
1991**

Nota

Angka menunjukkan peratus pegangan ekuiti.



**PERBADANAN  
KEMAJUAN IKTISAD  
NEGERI KELANTAN**



***DI SEKITAR***  
**1991**



### **JAWATANKUASA KHAS MENYELARAS KEGIATAN PELABURAN ASING**

Sebuah Jawatankuasa Khas bagi menyelaras kegiatan pelaburan asing di negeri Kelantan telah ditubuhkan di Perbadanan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam mengumpul dan memberikan maklumat mengenai peluang-peluang pelaburan di negeri ini.

Melalui Jawatankuasa ini, pelabur asing boleh mendapatkan maklumat terperinci mengenai kemudahan yang sedia ada seperti tenaga pekerja, bahan mentah, infrastruktur dan komunikasi.

### **PERASMIAN PERDANA RESORT**

Sejajar dengan kepesatan perkembangan Industri Pelancongan di negeri Kelantan, Tanggal 1 Ogos, 1991, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan telah berangkat mencemar Duli merasmikan Perdana Resort di Pantai Cahaya Bulan. Dengan pelbagai kelengkapan dan perkhidmatan yang bertaraf antarabangsa, pembukaan Perdana Resort telah secara langsung membantu mempertingkat dan memperkuuhkan lagi industri pelancongan di negeri ini.

### **YANG TERAMAT MULIA TENGIK MAHKOTA MELAWAT PKINK**

Dalam usaha menerapkan nilai-nilai murni dan hubungan baik di kalangan pemimpin dan pekerja, Tanggal 10 Ogos, 1991, Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan telah secara rasmi membuat lawatan ke PKINK. Baginda telah diberi penerangan mengenai fungsi, peranan dan rancangan PKINK dan seterusnya dipperkenalkan kepada semua anggota Perbadanan.



## **FORUM PELABURAN DAN PELANCONGAN DI SINGAPURA**

Pada 14/9 hingga 16/9/1991, Forum Pelancongan dan Pelaburan Kelantan telah diadakan di Hyatt Regency Hotel Singapura. Forum tersebut bertujuan untuk memberi penerangan serta



menarik minat lebih ramai pengusaha pelancongan dan bakal-bakal pelabur untuk menjalin hubungan dan membuka pelaburan di Kelantan. Sebanyak 149 orang peserta telah menghadiri forum pelaburan sementara 97 orang lagi telah menghadiri forum pelancongan.

## **TYT DUTA BESAR JEPUN DAN FILIPINA MELAWAT PKINK**

Perbadanan telah menerima kunjungan hormat dari kalangan pemimpin antarabangsa pada 6 November, 1991, kunjungan oleh TYT Tan Sri Hiroshi Fukuda, Duta Besar Jepun sementara pada 9 November, 1991 oleh TYT En. Rodolfo Seveniro, Duta Besar Filipina. Kedua-dua pemimpin telah diberi taklimat mengenai peranan dan kegiatan Perbadanan dan seterusnya dibawa melawat kilang-kilang perusahaan di bawah pengawasan Perbadanan.

## **AHLI-AHLI LEMBAGA MELAWAT PULAU TIMUN**

Pada 20 Oktober, 1991, Ahli-Ahli Lembaga Perbadanan telah membuat lawatan ke tapak projek ternakan udang harimau di Pulau Timun. Ahli-ahli rombongan telah diberi penerangan mengenai potensi dan prospek pasarananya yang cukup meluas.



**PENYATA  
KEWANGAN**



**PENYATA  
KEWANGAN**

*Laporan Tahunan PKINK 1991*

**PENYATA OLEH PENGARAH**

" Kami YAB TUAN GURU HAJI NIK ABDUL AZIZ HAJI NIK MAT dan WAN ZULKIFLE WAN YUSOFF yang merupakan dua orang daripada Ahli Lembaga Pengarah PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga pengarah, Kunci Kira-Kira, Kira-Kira Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Dalam Kedudukan Kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota didalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PKINK pada 31hb. Disember, 1991 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangan bagi tahun akhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga:

**Y.A.B. TUAN GURU  
HAJI NIK ABDUL AZIZ NIK MAT  
Pengerusi**

**WAN ZULKIFLE WAN YUSOFF  
Ketua Eksekutif**

**BERTARIKH: 03 AUG 1993  
KOTA BHARU.**

## **PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA**

Pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawap keatas pengurusan kewangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.

Saya **WAN ZULKIFLE WAN YUSOFF**, pegawai utama yang bertanggungjawab keatas pengurusan kewangan **PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Kunci Kira-Kira Pendapatan dan Perbelanjaan dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.



**WAN ZULKIFLE WAN YUSOFF**

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di Kota Bharu pada 03 Aug. 1993.

Di hadapan saya

## **PESURUHJAYA SUMPAH**



**LAPORAN JURUAUDIT**

---

Kunci Kira-Kira, Penyata Untung/(Rugi) serta Nota-Nota kepada Penyata Kewangan dan Penyata Perubahan Kedudukan Kewangan berkenaan dengan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah diperiksa oleh Tetuan Abu Bakar Rajudin & Co., Akauntan Awam Bertauliah, bagi pihak dan di bawah arahan saya mengikut akta Audit 1957. Segala kenyataan dan keterangan yang dikehendaki telah didapati.

Tertakluk kepada pemerhatian saya yang berikut, pada pendapat saya, Kunci Kira-Kira, Penyata Untung/(Rugi) dan Penyata Perubahan Kedudukan Kewangan serta Nota-Nota terhadapnya telah diperbuat dengan cara yang betul untuk menunjukkan satu kenyataan yang benar dan munasabah mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan pada 31 Disember 1991 dan urusan berkaitan dengannya serta perubahan dalam kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh itu.

*(B.Ranjit Singh)*

b.p. **KETUA AUDIT NEGARA**

## **KUNCI KIRA-KIRA PADA 31HB. DISEMBER, 1991**

	<b>Nota</b>	<b>1991(RM)</b>	<b>1990(RM)</b>
Harta Tetap	2	126,816,882	121,267,357
Pinjaman Jangka Panjang oleh Syarikat Anak	3	25,894,621	31,284,772
Perbelanjaan Pembangunan (Harta)	4	5,386,863	6,660,990
Pelaburan Modal	5	68,080,873	67,175,027
Siberhutang Rumah Pangsa	6	533,141	951,219

### **HARTA SEMASA**

Wang Di Bank dan Di Tangan	7	740,143	3,014,987
Simpanan Berjangka	8	5,945,000	4,395,000
Portfolio Pelaburan	9	9,065,249	8,165,249
Siberhutang Perniagaan	10	2,078,470	2,597,034
Jumlah Terhutang Oleh Syarikat Anak/Bersekutu	11	20,066,344	17,885,393
Pinjaman Kepada Anak Syarikat Dan Bersekutu	3	41,945,612	36,722,226
Barang Niaga	12	23,745,343	25,659,078
Lain-lain Siberhutang	13	1,671,242	2,498,187
Kerja-Kerja Dalam Pembangunan (Jualan)	14	93,157,419	96,097,692
Pelbagai Pinjaman Terdahulu	15	4,838,369	4,091,763
Pinjaman Kepada Kakitangan		310,178	197,098
Pertaruhan dan Deposit		55,309	104,074
Stok		-	585
		<b>203,618,678</b>	<b>201,428,366</b>



**KUNCI KIRA-KIRA PADA 31HB. DISEMBER, 1991**

**TOLAK : TANGGUNGAN SEMASA**

	Nota	1991(RM)	1990(RM)
Sipiutang Perdagangan		344,157	219,948
Lain-lain Sipiutang		1,118,440	970,721
Pinjaman Kerajaan Pusat	16	154,673,605	114,306,642
Pinjaman Kerajaan Negeri	17	13,781,337	11,392,273
Pertaruhan dan Pendahuluan di Terima	18	36,674,390	44,452,231
		<b>206,591,929</b>	<b>171,341,815</b>
		(2,973,251)	30,086,551
<b>Harta / (Tanggungan) Semasa Bersih</b>		<b>223,739,129</b>	<b>257,425,916</b>

**Dibiayai oleh:**

Sumbangan Kerajaan		1,400,000	1,400,000
Keuntungan/(Kandungan) Terkumpul selepas Belanja Projek Sosial		30,150,257	31,271,995
Pinjaman Kerajaan (Pusat) Jangka Panjang	16	165,007,804	195,183,789
Pinjaman Kerajaan (Negeri) Jangka Panjang	17	26,712,866	29,101,930
Pertaruhan Jangka Panjang Diterima		468,202	468,202
		<b>223,739,129</b>	<b>257,425,916</b>

Penyata ini hendaklah dibaca bersekali dengan nota 1 - 18

**PENYATA UNTUNG/(RUGI) BAGI TAHUN**  
**BERAKHIR 31HB. DISEMBER, 1991**

<b>PENDAPATAN</b>	<b>Nota</b>	<b>1991(RM)</b>	<b>1990(RM)</b>
Keuntungan Kasar Jualan Projek Pembangunan	19	3,378,297	1,783,962
Sewaan		7,006,599	6,196,420
Dividen		951,673	534,079
Keuntungan portfolio pelaburan (simpanan)		365,162	529,523
Hasil dari pinjaman		3,087,875	2,986,290
Hasil Perhutanan (Perkhidmatan)		249,693	664,622
Royalti Perlombongan		66,287	-
Yuran Perkhidmatan (Teknikal)		449,200	495,320
Lain-lain pendapatan		74,168	228,610
		<b>15,628,954</b>	<b>13,418,826</b>
<hr/>			
<b>Perbelanjaan</b>			
Belanja mengurus	20	6,107,789	5,535,375
Belanja Kewangan	21	6,995,500	6,203,559
Susutnilai	22	1,695,473	1,631,947
Hapuskira Pendahuluan	23	1,257,946	-
Hutangragu (simpanan tetap)	24	200,000	1,520,857
Rosotnilai Pelaburan	25	415,414	-
		<b>16,672,122</b>	<b>14,891,738</b>
<hr/>			
<b>Keuntungan/(Kerugian) Operasi sebelum lain-lain pendapatan &amp; butiran luarbiasa</b>		<b>(1,043,168)</b>	<b>(1,472,912)</b>

*Laporan Tahunan PKINK 1991*

---

**Lain-lain Pendapatan**

Lebihan/(Kurangan) belanja unit pelancongan PKINK	(146,406)	87,913
Pelarasan akaun unit makanan ringan	67,836	-
Butiran luar biasa	-	751,113
<b>Keuntungan/(Kerugian) Bersih Operasi Tahun Semasa</b>	<b>(1,121,738)</b>	<b>(633,886)</b>
<b>Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul Bawa Hadapan</b>	<b>31,271,995</b>	<b>31,905,881</b>
<b>Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul Bagi Tempoh</b>	<b>30,150,257</b>	<b>31,271,995</b>

Penyata ini hendaklah dibaca bersekali dengan nota 18 hingga 25

**PENYATA PERUBAHAN KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31HB. DISEMBER, 1991**

<b>Punca Dana</b>	<b>1991(RM)</b>	<b>1990(RM)</b>
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Operasi	(1,121,738)	(633,886)
Pelarasan untuk perkara-perkara yang tidak melibatkan pergerakan dana : Susutnilai harta	1,695,473	1,631,947
	<b>573,735</b>	<b>998,061</b>
<b>Lain-lain Punca Dana</b>		
Tambahan Pinjaman Kerajaan (Semasa)	42,756,027	15,086,561
Kurangan Siberhutang Rumah Pangsa	418,078	138,793
Kurangan Pinjaman Berjangka Oleh Syarikat Anak/Bersekutu	5,390,151	22,278,102
Kurangan Kerja-Kerja Dalam Perlaksanaan (Harta)	1,274,127	12,210,304
Kurangan Kerja-Kerja Dalam Perlaksanaan (Jualan)	2,940,273	40,438,357
Kurangan Siberhutang Perniagaan	518,564	5,316,133
Kurangan Pelaburan Dalam Syarikat Anak/Bersekutu	-	3,367,184
Kurangan Pinjaman Oleh Anggota PKINK	-	107,606
Kurangan Pelbagai Siberhutang	-	181,079
Kurangan Stok	585	-
Kurangan Barangniaga	1,913,735	-
Kurangan Lain-Lain Siberhutang	826,945	-
Kurangan Pertaruhan/Deposit	48,765	-
Tambahan Sipiutang Perdagangan	124,209	-
Tambahan Lain-Lain Sipiutang	147,719	-
	<b>56,932,913</b>	<b>100,122,180</b>

*Laporan Tahunan PKINK 1991*

**Penggunaan Dana**

Tambahan Dalam Portfolio Pelaburan	900,000	8,165,249
Tambahan Jumlah Terhutang Oleh Syarikat Anak/Bersekutu	2,180,951	13,040,747
Tambahan Pinjaman Jangka Pendek Oleh Syarikat Anak	5,223,386	
Tambahan Perbelanjaan Terdahulu	746,606	929,669
Tambahan Pinjaman Kenderaan Oleh Anggota PKINK	113,080	
Kurangan Pertaruhan dan Pendahuluan Diterima	7,777,841	9,426,730
Tambahan Pelaburan Modal	905,846	22,625,538
Tambahan Harta Tetap	7,244,998	15,429,774
Tambahan Barangniaga		25,659,078
Tambahan Pertaruhan/Deposit		11,857
Kurangan sipiutang Perniagaan		91,770
Kurangan Pelbagai Sipiutang		489,517
Tambahan Pinjaman Oleh Syarikat Anak		10,472,267
Kurangan Pinjaman Kerajaan (Jangka Panjang)	32,565,049	
	<hr/>	<hr/>
	57,657,757	106,342,196

**PERUBAHAN DALAM DANA**

**Cair Bersih :**

Wang Tunai di Tangan & Bank	(2,274,844)	(3,535,016)
Simpanan Tetap	1,550,000	(724,844) (2,685,000) (6,220,016)
	<hr/>	<hr/>
	56,932,913	100,122,180
	<hr/>	<hr/>

## **NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN**

**BERAKHIR 31HB. DISEMBER, 1991**

### **1. Aktiviti Utama**

Perbadanan telah ditubuhkan di bawah Enakmen negeri dengan tujuan membangunkan sosio-ekonomi Negeri berdasarkan kepada Dasar Ekonomi Baru. Kegiatan-kegiatan utama Perbadanan adalah membangunkan tanah-tanah untuk perindustrian, pertanian, hartaan dan pelaburan saham.

Perbadanan juga bergiat di dalam bidang perkilangan, perkhidmatan, pertanian, perlombongan dan pembalakan melalui pelaburan di dalam Syarikat Anak, Syarikat Sekutu dan pelaburan dalam saham tersiar harga.

Dasar-Dasar Perakuan Penting

#### **a) Asas Perakaunan**

Akaun-akaun telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah.

#### **b) Akaun Disatukan**

Penyata ini disediakan adalah di asaskan kepada akaun Perbadanan sahaja dan tidak termasuk akaun syarikat anak Perbadanan.

#### **c) Susutnilai**

Susutnilai tidak diperuntukan bagi tanah milik bebas dan tanah pajakan kerana kos tanah tersebut akan dijadikan sebahagian dari kos projek. Bagi kesemua harta tetap yang lain, susutnilai dikira, mengikut kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan harta berkenaan.

Bangunan	2%
Alat Komputer	10%
Loji, Jentera dan Alatan Besar	15%
Perabut dan Kelengkapan Pejabat	20%
Alatan Pejabat	20%
Kenderaan Pejabat	20%
Lain-Lain Harta	20%

#### **d) Syarikat Anak/Bersekutu**

Pelaburan dalam syarikat berkaitan dinyatakan pada kaedah kos selepas ditolak (jika bersesuaian) peruntukan rosotnilai. Syarikat-syarikat yang mana Perbadanan mempunyai kepentingan lebih dari 50 % dari modal ekuiti adalah ditaksirkan sebagai Syarikat Anak dan di mana kepentingan Perbadanan 50 % dan ke bawah dari modal ekuiti ditafsirkan sebagai Syarikat Bersekutu.



**e) Kerja-Kerja Dalam Perlaksanaan**

Ini merupakan kos tanah dan perbelanjaan langsung yang terlibat untuk projek-projek pembangunan harta dan termasuk bayaran faedah ke atas pinjaman yang diperolehi untuk membiayai projek-projek tersebut.

**f) Pengiktirafan Pendapatan**

Keuntungan/kerugian kasar satu-satu projek yang telah dijual diambilkira setelah bayaran kemajuan projek berkenaan meningkat 50 %. Semua pendapatan lain diiktiraf pada asas akru.

**g) Pengecualian Cukai**

Perbadanan telah dikecualikan dari pembayaran cukai pendapatan bagi tahun-tahun taksiran 1980 hingga 1994.

**h) Barang Niaga**

Barang niaga merupakan rumah/kedai yang telah siap dibina dan dinilai pada kos. Kos termasuk kos bahan binaan, tenaga buruh dan kos pasti pembangunan wajar mengikut takat penghabisan yang telah dicapai.

## **NOTA-NOTA KEPADA AKAUN TAHUN BERAKHIR**

**31HB. DISEMBER, 1991**

### **2. Harta Tetap**

Harta Tetap	Kos (RM)	Susutnilai Terkumpul (RM)	Nilai Buku Bersih (RM)	Susutnilai Dikenakan (RM)
<b>Tahun 1991</b>				
Tanah Milik Kekal	27,126,882	-	27,126,882	-
Tanah Pajakan	25,716,755	-	25,716,755	-
Bangunan	81,084,329	7,671,522	73,412,807	1,525,718
Loji, Jentera & Alatan Besar	509,216	213,279	295,937	64,325
Perabut & Kelengkapan Pejabat	1,790	-	1,790	37,653
Alatan Pejabat	133,314	63,478	69,836	23,839
Kenderaan Pejabat	95,167	39,400	55,767	18,741
Lain-Lain Harta Tetap	125,934	94,695	31,239	25,197
Harta Tetap Unit Pelancongan	431,491	325,634	105,857	-
H/Tetap Unit Makanan Ringan	-	-	-	-
H/Tetap Yang Telah Susutnilai sepenuhnya	2,748,517	2,748,505	12	-
	<b>137,973,395</b>	<b>11,156,513</b>	<b>126,816,882</b>	<b>1,695,473</b>

### **Tahun 1990**

Tanah Milik Kekal	25,058,388	-	25,058,388	-
Tanah Pajakan	25,504,182	-	25,504,182	-
Bangunan	76,279,227	6,145,803	70,133,424	1,522,923
Loji, Jentera & Alatan Besar	1,891,391	1,523,085	368,306	67,840
Perabut & Kelengkapan Pejabat	654,743	635,892	18,851	254
Alatan Pejabat	172,894	121,689	51,205	14,320
Kenderaan Pejabat	306,265	231,755	74,510	19,033
Lain-Lain Harta Tetap	602,653	559,231	43,422	7,577
Harta Tetap Unit Pelancongan	316,809	301,741	15,068	-
Harta Tetap Unit Makanan Ringan	74,517	74,516	1	-
	<b>130,861,069</b>	<b>9,593,712</b>	<b>121,267,357</b>	<b>1,631,947</b>



*Laporan Takungan PKTMK 1991*

**3. Pinjaman Kepada Anak Syarikat**

<b><u>Nama Syarikat</u></b>	<b>Tunggakan Pinjaman 31.12.1991</b>	<b>Baki Pinjaman Jangka Panjang 31.12.1991</b>
Sungai Terah Sdn. Bhd.	40,896,999	23,623,714
Kompleks Perkayuan Sdn. Bhd.	0.00	0.00
Perusahaan Tembakau Kelantan	1,014,059	0.00
Hotel Perdana Sdn. Bhd.	0.00	0.00
Binaraya (Harga Tanah Projek USM)	0.00	2,270,907
Permodalan Kelantan Berhad	34,554	0.00
<b>JUMLAH</b>	<b>41,945,612</b>	<b>25,894,621</b>

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN TAHUN BERAKHIR**  
**31HB. DISEMBER, 1991**

<b>4. Perbelanjaan Pembangunan (Harta)</b>	<b>1991(RM)</b>	<b>1990(RM)</b>
4.1 Kompleks Kediaman & Rekreasi Panji	540,405	537,130
4.2 Hotel Perdana Tambahan	483,317	720,545
4.3 Kilang Siapbina, Tanah Merah	107,600	-
4.4 Kompleks Perkedaian Seksyen 9, Fasa 6	50,486	50,486
4.5 Taman Rekreaksi, Taman Sekebun Bunga	98,072	53,836
4.6 Kilang Siapbina Pengkalan Chepa II Fasa 2 (6 unit)	2,892,261	15,022
4.7 Rumah Kedai Seksyen 9, MAIK (8 unit)	1,214,722	132,053
4.8 Pelancongan Pantai Irama	-	301,819
4.9 Tempat Letak Kereta	-	82,681
4.10 Desa Batik Tumpat	-	119,813
4.11 Rumah Kedai Pengkalan Chepa (7 unit)	-	3,926
4.12 Kilang Siapbina Pengkalan Chepa (6 unit)	-	3,328,242
4.13 Kilang Siapbina Pengkalan Chepa (9 unit)	-	1,315,285
4.14 Kilang Siapbina Pengkalan Chepa (8 unit)	-	152
	<hr/>	<hr/>
	5,386,863	6,660,990
	<hr/>	<hr/>



*Laporan Tahunan PKINK 1991*

**5. PELABURAN MODAL**

Kos Pelaburan (RM)	Peruntukan Rosotnilai Pelaburan (RM)	Kos Pelaburan Selepas Rosotnilai (RM)
-----------------------	--	---

**5.1 SYARIKAT ANAK - TAHUN 1991**

5.1.1 Permodalan Kelantan Berhad	24,907,227	-	24,907,227
5.1.2 Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd.	19,517,441	-	19,517,441
5.1.3 Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd.	9,999,998	-	9,999,998
5.1.4 Hotel Perdana Sdn. Bhd.	10,918,000	-	10,918,000
5.1.5 Kelantan Baja Corporation Sdn. Bhd.	665,197	(665,196)	1
5.1.6 Kraftangan Kelantan Sdn. Bhd.	300,000	(299,999)	1
5.1.7 Usaha Niaga Kelantan Sdn. Bhd.	1,325,000	(1,324,999)	1
5.1.8 Perikanan Tumpat Sdn. Bhd.	1	-	1
5.1.9 Peruda Negeri Kelantan Sdn. Bhd.	1	-	1
5.1.10 Italasia (KB) Sdn. Bhd.	1	-	1
	<b>67,632,866</b>	<b>(2,290,194)</b>	<b>65,342,672</b>

**5.2 SYARIKAT BERSEKUTU - TAHUN 1991**

5.2.1 Kijang Kuari Sdn. Bhd.	1,372,000	-	1,372,000
5.2.2 Kelkon Sdn. Bhd.	510,798	-	510,798
5.2.3 Binaraya PKINK Sdn. Bhd.	855,400	-	855,400
5.2.4 Perusahaan Tani Kelantan Sdn. Bhd.	1	-	1
5.2.5 Agrotex Sdn. Bhd.	2	-	2
	<b>2,738,201</b>	<b>0</b>	<b>2,738,201</b>

Jumlah 5.1 + 5.2

<b>70,371,067</b>	<b>(2,290,194)</b>	<b>68,080,873</b>
-------------------	--------------------	-------------------

**5.3 SYARIKAT ANAK - TAHUN 1990**

5.3.1 Permodalan Kelantan Berhad	23,585,971	-	23,585,971
5.3.2 Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd.	19,517,441	-	19,517,441
5.3.3 Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd.	9,999,994	-	9,999,994
5.3.4 Hotel Perdana Sdn. Bhd.	10,918,000	-	10,918,000
5.3.5 Kelantan Baja Corporation Sdn. Bhd.	665,197	(549,781)	115,416
5.3.6 Kraftangan Kelantan Sdn. Bhd.	300,000	-	300,000
5.3.7 Usaha Niaga Kelantan Sdn. Bhd.	1,325,000	(1,324,999)	1
5.3.8 Perikanan Tumpat Sdn. Bhd.	1	-	1
5.3.9 Peruda Negeri Kelantan Sdn. Bhd.	1	-	1
5.3.10 Italasia (KB) Sdn. Bhd.	1	-	1
	<b>66,311,606</b>	<b>(1,874,780)</b>	<b>64,436,826</b>

**5.4 SYARIKAT BERSEKUTU - TAHUN 1990**

5.4.1 Kijang Kuari Sdn. Bhd.	1,372,000	-	1,372,000
5.4.2 Kelkon Sdn. Bhd.	510,798	-	510,798
5.4.3 Binaraya PKINK Sdn. Bhd.	855,400	-	855,400
5.4.4 Perusahaan Tani Kelantan Sdn. Bhd.	1	-	1
5.4.5 Agrotex Sdn. Bhd.	2	-	2
	<b>2,738,201</b>	<b>0</b>	<b>2,738,201</b>

Jumlah 5.3 + 5.4

<b>69,049,807</b>	<b>(1,874,780)</b>	<b>67,175,027</b>
-------------------	--------------------	-------------------

## **6. SIBERHUTANG BERJANGKA RUMAH PANGSA**

Ini merupakan baki harga yang belum matang untuk pembeli-pembeli rumah pangsa bagi tempoh berakhir pada 31hb. Disember 1991 di mana mereka dibenarkan membayar secara ansur selama 17 tahun bermula dari tahun 1979 hingga 1995 mengikut perjanjian jual beli secara "hire-purchase".

<b>7. WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK</b>	<b>1991 (RM)</b>	<b>1990 RM)</b>
7.1. Akaun Semasa	708,577	2,983,422
7.2 Akaun Semasa (Unit Pelancongan)	31,566	31,565
	<b>740,143</b>	<b>3,014,987</b>

## **8. SIMPANAN BERJANGKA**

Disimpan Dalam Bank dan Institusi Kewangan Tolak Peruntukan Hutangragu (CCB)	6,945,000 (1,000,000)	5,195,000 (800,000)
	<b>5,945,000</b>	<b>4,395,000</b>

Simpanan berjangka berjumlah RM2,145,000 telah dicagarkan kepada beberapa buah bank untuk kemudahan jaminan yang dikeluarkan kepada Syarikat-Syarikat Anak seperti berikut:

Syarikat Pemborong PKINK	RM0.500 juta (Malayan Banking Berhad)
Kelantan Baja Corporation	RM0.250 juta (Bank Islam)
Kelkon Sdn Bhd	RM0.395 juta (Bank Bumiputera Malaysia Bhd)
Kelma Sdn Bhd	RM0.500 juta (Bank Bumiputera Malaysia Bhd)
Kraftangan Kelantan Sdn Bhd	RM0.450 juta (Perwira Habib Berhad)
Tenaga Nasional Bhd	RM0.300 juta (Malayan Banking Berhad)



9. PORTFOLIO PELABURAN	Kos	1991 (RM)		1990 (RM)	
		Nilai Pasaran	Kos	Nilai Pasaran	
9.1 Long Huat Timber Bhd -3,400,000 unit	7,310,000	7,378,000	7,310,000		
9.2 Bolton Properties Bhd -130,666 unit	235,199	246,959	235,199		
-32,666 unit	65,332	61,739	-		
-17,334 unit	34,668	32,761	-		
9.3 Edaran Otomobil Nasional Bhd -100,000 unit	430,000	690,000	430,000		
-50,000 unit (bonus)	-	345,000	-		
9.4 MWE Holdings Bhd -90,000 unit	190,050	199,100	190,050		
9.5 Far East Holding Bhd -500,000 unit	800,000	805,000	-		
	<b>9,065,249</b>	<b>9,758,559</b>	<b>8,165,249</b>		

<b>10. SIBERHUTANG PERNIAGAAN</b>		<b>1991 (RM)</b>	<b>1990 RM)</b>
10.1	Penyewa Bangunan	1,524,629	1,943,861
10.2	Pembeli-Pembeli Rumah Kediaman, Kedai & Kilang	956,903	794,720
10.3	Penyewa Bengkel	22,291	22,291
10.4	Pembalak-Pembalak	1,096	557,019
10.5	Pembeli-Pembeli Rumah Pangsa	294,408	-
		<b>2,799,327</b>	<b>3,317,891</b>
	Tolak Peruntukan Hutangragu	(720,857)	(720,857)
		<b>2,078,470</b>	<b>2,597,034</b>

#### **11.Jumlah Ter hutang Oleh Syarikat Anak Dan Bersekutu**

11.1	Perusahaan Tembakau Kelantan Sdn Bhd	1,269,767	1,228,623
11.2	Kijang Kuari Sdn Bhd	1,005,872	750,765
11.3	Permodalan Kelantan Bhd	588,106	512,693
11.4	Binaraya Kelantan Bhd	621,341	812,037
11.5	Kelantan Baja Corporation	1,089,066	1,144,189
11.6	Kelkon Sdn Bhd	3,163,079	3,328,374
11.7	Syarikat Pemborong PKINK Sdn Bhd	5,813	5,200
11.8	Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd	1,327,759	2,298,245
11.9	Kraftangan Kelantan Sdn Bhd	103,380	18,469
11.10	Kelma Sdn Bhd	180,602	1,128
11.11	Hotel Perdana Sdn Bhd	299,594	27,006
11.12	Prokel Management Sdn Bhd	483,479	153,276
11.13	Stong Development Sdn Bhd	77,848	1,030
11.14	PKB-MMC Sdn Bhd	258,114	257,302
11.15	Perdana Resort Sdn Bhd	10,233,969	5,578,357
11.16	Proclean Services Sdn Bhd	1,293	480
11.17	Kleartax Sdn Bhd	200	200
11.18	Great Eastern Mills Sdn Bhd	-	630
11.19	Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd	543,192	548,321
11.20	Siberhutang Dividen (Syarikat Anak/Bersekutu)	-	1,219,068
		<b>21,252,474</b>	<b>17,885,393</b>
	Tolak Peruntukan Hutangragu	(1,186,130)	-
		<b>20,066,344</b>	<b>17,885,393</b>

—  Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan —

*Laporan Tahunan PKINK 1991*

---

<b>12. BARANGNIAGA (RUMAH/KEDAI SIAPBINA)</b>		<b>1991 (RM)</b>	<b>1990 (RM)</b>
12.1	Rumah Kedai Buluh Kubu (76 unit)	9,821,741	10,232,526
12.2	Rumah Kedai Kuala Krai (5 unit)	330,637	567,098
12.3	Rumah Kedai Taman Mekasar (6 unit)	131,462	540,947
12.4	Rumah Kedai Taman Maktab (6 unit)	524,727	180,972
12.5	Rumah Kedai Pasir Puteh (43 unit)	1,005,088	1,005,088
12.6	Rumah Kedai Machang (35 unit)	243,231	324,307
12.7	Rumah Kedai Kawasan Industri T/Merah (16 unit)	1,298,578	1,298,578
12.8	Rumah Kedai Baung, Peng. Chepa (2 unit)	209,014	209,014
12.9	Rumah Kedai Taman Sri Tambahan (7 unit)	333,529	333,529
12.10	Rumah Kedai Desa Darulnaim (19 unit)	2,740,000	2,740,000
12.11	Rumah Kedai Tanjung Chat (21 unit)	1,329,250	1,329,250
12.12	R/Teres Kaw Industri T/Merah Fasa 1A (68 unit)	1,227,816	2,634,100
12.13	Rumah Teres Padang Tembak (164 unit)	2,021,786	2,414,141
12.14	Rumah Teres Kaw Industri T/Merah Fasa 1B (34 unit)	881,096	1,109,528
12.15	Rumah Teres Desa Darulnaim (3 unit)	246,000	246,000
12.16	Rumah Banglo Desa Darulnaim (9 unit)	394,000	394,000
12.17	Rumah Teres Desa Darulnaim (2 unit)	100,00	100,00
12.18	Bengkel Tanah Merah (32 unit)	222,725	-
12.19	Rumah Banglo Tanjung Chat (31 unit)	260,809	-
12.20	Rumah Kedai Pengkalan Chepa (9 unit)	144,601	-
12.21	Bengkel Tanah Merah (14 unit)	279,253	-
		<b>23,745,343</b>	<b>25,659,078</b>

<b>13. LAIN-LAIN SIBERHUTANG</b>		<b>1991 (RM)</b>	<b>1990 RM</b>
13.1	Jabatan Hasil Dalam Negeri	1,021,698	1,773,621
13.2	Faedah Simpanan Tetap Diakru	64,872	28,235
13.3	Unit Pelancongan PKINK	257,009	637,364
13.4	Unit Makanan Ringan	-	10,788
13.5	Camaros Sdn Bhd	240,000	-
13.6	Lain-Lain	87,663	48,179
		<b>1,671,242</b>	<b>2,498,187</b>

<b>14. KERJA-KERJA PEMBANGUNAN (JUALAN)</b>	<b>1991 (RM)</b>	<b>1990 RM)</b>
14.1 Lot Kosong Tanah Merah (Mukim MAKAN)	290,280	290,280
14.2 Perumahan Teluk Bara Fasa 2	760,381	760,331
14.3 Perumahan Tanjung Chat (86 unit)	3,026,611	1,349,246
14.4 Kolam Oksidasim, Pengkalan Chepa II	1,416,789	1,259,665
14.5 Projek Desa Kemumin (299 unit)	4,730,966	-
14.6 Banglo Tanah Merah (Lot Kosong)	71,051	71,051
14.7 Rumah Teres Tanah Merah Fasa Dua	1,401,675	1,401,675
14.8 Rumah Kedai Pengkalan Chepa (36 unit)	35,169	47,831
14.9 Kawasan Industri Kemubu	130,393	130,393
14.10 Rumah Kedai Buluh Kubu Seks 8 (7 unit)	1,238,908	1,156,227
14.11 Taman Wira - Desa Kemumim (242 unit)	2,618,586	-
14.12 Perumahan Murah Kemumin	460,653	416,326
14.13 Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa	65,586,713	63,054,566
14.14 Kawasan Perindustrian Gua Musang	10,273,580	8,362,769
14.15 Kawasan Perindustrian Tanah Merah	1,100,750	1,610,756
14.16 Kawasan Perindustrian Jeli	14,914	14,913
14.17 Projek Padang Golf	-	312,678
14.18 Perumahan Padang Tembak	-	10,002
14.19 Rumah Pangsa Wakaf Siku	-	14,196
14.20 Rumah Kedai Jalan Sultanah Zainab (5 unit)	-	1,720,162
14.21 Rumah Kedai Seksyen 9 (Maik)	-	352,198
14.22 Rumah Kedai Buluh Kubu (13 unit)	-	5,005,807
14.23 Rumah Kedai Seksyen 9 (9 unit)	-	2,372,996
14.24 Pembangunan Semula Buluh Kubu	-	32,228
14.25 Rumah Kedai Depan Masjid	-	2,350
14.26 Pembaharuan Bandar Kota Bharu	-	10,110
14.27 Rumah Kedai Pasir Puteh	-	590
14.28 Rumah Kedai Machang (8 unit)	-	3,235
14.29 Rumah Kedai Tanah Merah (86 unit)	-	7,031
14.30 Rumah Kedai Gua Musang	-	1,583
14.31 Bazaar Gua Musang	-	69,082
14.32 Rumah Teres Padang Selising	-	582,926
14.33 Rumah Teres Pengkalan Chepa (93 unit)	-	184,766
14.34 Perumahan Sungai Durian	-	369,410
14.35 Perumahan Teluk Baru (Fasa 1)	-	1,674,646
14.36 Condo Panji (12 unit)	-	11,021
14.37 Rumah Pangsa Pengkalan Chepa	-	108
14.38 Rumah Teres Pengkalan Chepa (Lot 1695)	-	1,352
14.39 Rumah Banglo Tanjung Chat (31 unit)	-	2,695,028
14.40 Bengkel Tanah Merah (32 unit)	-	222,726
14.41 Bengkel Tanah Merah (12 unit)	-	279,253
14.42 Rumah Teres Jalan Bayam (2 unit)	-	1,876
14.43 Rumah Kedai Pengkalan Chepa (9 unit)	-	234,303
	<b>93,157,419</b>	<b>96,097,692</b>



*Laporan Tahunan PKMNK 1991*

---

15. PELBAGAI PERBELANJAAN TERDAHULU	1991 (RM)	1990 RM)
15.1 Tanah Perlombongan Emas Pulai, Gua Musang	2,553,070	2,394,745
15.2 Pengurusan Rumah Pangsa	12,697	21,964
15.3 Pertaruhan Carigali	5,764	5,214
15.4 Projek Sutera	103,943	103,943
15.5 Projek Ubi Kentang	144,976	112,081
15.6 Strata Title, Rumah Pangsa	62,100	62,100
15.7 Projek Rotan	376,277	376,277
15.8 Projek Udang Harimau	932,212	764,633
15.9 Projek Buah-Buahan, Sungai Chewah	41,150	41,150
15.10 Projek Buah-Buahan Pos Blau	21,050	21,050
15.11 Ternakan Ketam	62,139	-
15.12 Perbelanjaan R & D	23,762	11,525
15.13 Deposit Senggaran Jln Perumahan Tg. Chat (86 unit)	10,000	10,000
15.14 Rumah Pangsa, Wakaf Siku	14,196	-
15.15 Rumah kedai Wakaf Siku (2 unit)	8,456	-
15.16 Pembangunan Semula Buluh Kubu	32,228	-
15.17 Rumah Kedai Depan Masjid	2,350	-
15.18 Pembaharuan Bandar Kota Bharu	10,110	-
15.19 Rumah kedai Pasir Puteh Fasa Dua	590	-
15.20 Rumah Kedai Machang Fasa Dua (8 unit)	3,235	-
15.21 Rumah Kedai Tanah Merah (86 unit)	7,031	-
15.22 Rumah Kedai Gua Musang	1,583	-
15.23 Bazaar Gua Musang	73,250	-
15.24 Rumah Teres Pengkalan Chepa (93 unit)	184,766	-
15.25 Condo - Panji (12 unit)	11,021	-
15.26 Rumah Pangsa, Pengkalan Chepa	108	-
15.27 Rumah Teres Lot 1695 (11 unit)	1,352	-
15.28 Rumah Teres Jalan Bayam (2 unit)	1,876	-
15.29 Rumah Kedai	3,926	-
15.30 Desa Batik Kelantan	123,313	-
15.31 Lain-Lain	9,838	9,673
15.32 Projek Sungai Kapal	-	113,346
15.33 Membalak Nenggiri	-	44,062
	<b>4,838,369</b>	<b>4,091,763</b>

## 16. PINJAMAN DENGAN KERAJAAN PUSAT

<u>Nama Projek</u>	<u>Tunggakan Pinjaman 31.12.1991</u>	<u>Baki Pinjaman Jangka Panjang 31.12.1991</u>
1. Pelancaran Projek-Projek Bangunan di Kota Bharu	127,599	42,608
2. Pembaharuan Bandar Kota Bharu	831,198	0.00
3. Pembangunan Bandar Kota Bharu (Tambah)	202,993	0.00
4. Tanah Hotel Kesina	532,206	974,621
5. Tanah Di Bandar Kota Bharu (12j)	3,323,607	6,999,527
6. Bangunan Hotel Kesina	753,514	1,358,899
7. Hotel Perdana	3,807,206	6,861,809
8. Komplek Sukan Hotel Perdana	2,354,361	5,844,986
9. Rumah Pangsa Jalan Bayam	690,938	997,595
10. Bangunan PKINK	1,297,414	3,608,587
11. Kompleks Menara Sek. 9	10,770,434	19,349,702
12. Rumah Eksekutif & Kilang	1,221,337	797,355
13. Kaw. Industri Pengkalan Chepa II	21,682,289	0.00
14. Kaw. Industri Kemubu	379,873	1,676,562
15. Ladang Sg. Terah - I	26,508,310	2,432,941
16. Ladang Sg. Terah - II	13,817,141	12,255,180
17. Ladang Sg. Terah - Kilang SMR	6,086,310	2,345,247
18. Ladang Sg. Terah - III	1,331,885	5,162,305
19. Ladang Sg. Terah - V	5,537,665	10,186,686



*Laporan Tahunan PKINK 1991*

---

20. Ekuiti KPK	2,062,869	1,375,246
21. Pinjaman Semula KPK	1,464,413	5,842,642
22. Tambah Ekuiti KPK	1,667,292	5,171,489
23. Ekuiti Permodalan Kelantan Bhd.	5,360,677	8,029,323
24. Binaraya PKINK Sdn. Bhd.	5,413,101	1,399,025
25. Ekuiti Binaraya PKINK Sdn. Bhd.	804,845	0.00
26. Pelaburan Dalam Anak Syarikat	676,578	1,273,224
27. Ekuiti Perusahaan Tembakau	2,223,770	1,358,951
28. Rumah Kedai Belakang Temenggong	4,647,493	0.00
29. Bazaar Buluh Kubu	1,333,551	6,400,301
30. Kaw. Perusahaan Pengkalan Chepa II	987,244	6,358,986
31. Kaw. Perusahaan Pengkalan Chepa II	11,736,009	28,365,369
32. Kaw. Industri Gua Musang	915,909	3,057,157
33. Kaw. Industri Tanah Merah	667,648	1,613,674
34. Tempat Letak Kereta	4,100,006	6,541,133
35. Tempat Letak Kereta	613,219	581,888
36. Rumah Kedai Buluh Kubu	3,389,243	1,129,748
37. Ekuiti Italasia (KB)	1,638,125	1,092,083
38. Rumah Kedai Parit Dalam	1,752,641	875,647
39. Kaw. Industri Gua Musang	0.00	830,000
40. Kilang Pengkalan Chepa II	0.00	1,000,000
41. Rumah Kedai Sultanah Zainab Sek. 9	1,962,692	1,817,308

**Jumlah**

**154,673,605**

**165,007,804**

**17. PINJAMAN DENGAN KERAJAAN NEGERI (TIDAK DIKENAKAN FAEDAH)**

<b>Nama Projek</b>	<b>Tunggakan Pinjaman 31.12.91</b>	<b>Baki Pinjaman Jangka Panjang 31.12.91</b>
1. Kawasan Parit Dalam	305,324	1,679,283
2. Tanah Seksyen 6 & 9	433,092	6,063,286
3. Tanah Seksyen 16	1,192,729	3,337,679
4. Tanah THR, Sek. 16	4,156,000	6,234,000
5. Tanah TRH Seksyen 16	22,669	62,340
6. Tanah Pantai Irama	91,702	137,553
7. Tanah Seksyen 9	3,784	52,976
8. Kawasan Industri Tanah Merah	0.00	0.00
9. Kawasan Industri Tanah Merah	114,370	629,035
10. Kawasan Industri Tanah Merah	136,947	376,605
11. Desa Batik Tumpat	200,822	552,262
12. Tanah Lot L/Kereta Bertingkat	2,326,899	5,235,521
13. Tanah Perumahan Tanjung Chat	0.00	0.00
14. Tanah Perumahan USM	4,614,997	0.00
15. Tanah Perumahan Sungai Durian	83,840	230,560
16. Tanah Projek Buluh Kubu	62,829	408,388
17. Perumahan Machang	0.00	0.00
18. Tanah PCB	0.00	1,483,711
19. Projek Buluh Kubu	35,333	229,667
<b>Jumlah</b>	<b>13,781,337</b>	<b>26,712,866</b>



**18. PERTARUHAN DAN PENDAHULUAN DITERIMA**

		<b>1991 (RM)</b>	<b>1990 RM</b>
<b>18.1 Wang Pertaruhan</b>			
18.1.1 Rumah Kedai		86,100	18,953
18.1.2 Kawasan Perindustrian		115,797	175,797
18.1.3 Kawasan Pembalakan		12,988,502	11,390,302
18.1.4 Tender		42,131	42,131
18.1.5 Cengkeram Sewa		1,458,312	1,457,342
18.1.6 Tapak Kilang Simen		150,000	-
18.1.7 Tanah Lubok Bongor		210,516	21,052
18.1.8 Pelbagai (Italasia)		122,542	119,199
18.1.9 Lain-Lain		625,471	639,770
		<b>15,799,371</b>	<b>13,864,546</b>
<b>18.2 Pendahuluan Bayaran Kemajuan Projek</b>			
18.2.1 Tanah Belakang Hotel Temenggong		26,230	26,230
18.2.2 Bengkel Tanah Merah		229,182	296,154
18.2.3 Lot Kosong R/Teres Tanah Merah (41 lot)		125,921	116,021
18.2.4 Lot Kosong Mukim Maka (29 lot)		406,000	406,000
18.2.5 Rumah Teres Padang Tembak		194,102	571,702
18.2.6 Rumah Banglo Tanjung Chat		11,910	2,553,860
18.2.7 Rumah Teres Tanah Merah (34 unit)		46,200	282,018
18.2.8 Lot Banglo (Kosong) Tanah Merah		252,666	252,666
18.2.9 Rumah Kedai Taman Sri (7 unit)		69,474	1,254
18.2.10 Rumah Kedai Pengkalan Chepa (9 unit)		62,000	282,447
18.2.11 Rumah Kedai Seksyen 9 (9 unit)		475	520,130
18.2.12 Rumah kedai Seksyen 9 (5 unit)		-	305,100
18.2.13 Kaw Perindustrian Pengkalan Chepa		11,185,462	10,299,379
18.2.14 Rumah kedai Buluh Kubu (76 unit)		-	567,400
18.2.15 Kawasan Perindustrian Gua Musang		5,838,501	5,121,661
18.2.16 Kaw Perindustrian Tanah Merah		301,126	993,970
18.2.17 Rumah Teres Tanjung Chat (86 unit)		18,000	-
18.2.18 Rumah teres Desa Kemumin (299 unit)		181,770	-
18.2.19 Rumah Teres Taman Wira (242 unit)		1,446,000	-
18.2.20 Tanah Pulau Cendor		480,000	-
18.2.21 Rumah Kedai Seksyen 8 (13 unit)		-	4,540,100
18.2.22 Rumah Kedai Kuala Krai (5 unit)		-	171,000
18.2.23 Rumah Kedai Mekasar (6 unit)		-	5,000
18.2.24 Rumah Kedai Machang (32 unit)		-	157,000
18.2.25 Rumah Teres Tanah Merah (68 unit)		-	1,410,258
18.2.26 Rumah Banglo Teluk Baru (20 unit)		-	1,599,100
18.2.27 Bahagian Pelancongan PKINK		-	109,235
		<b>20,875,019</b>	<b>30,587,685</b>
<b>JUMLAH (18.1 + 18.2)</b>		<b>36,674,390</b>	<b>44,452,231</b>

		1991 (RM)	1990 RM)
<b>19.</b>	<b>KEUNTUNGAN KASAR JUALAN PROJEK PEMBANGUNAN</b>		
19.1	Pembaharuan Bandar	1,199,716	-
19.2	Rumah Kedai	57,925	53,575
19.3	Perumahan	575,245	792,436
19.4	Kawasan Perindustrian	337,501	584,599
19.5	Projek Tanah	1,207,910	348,352
19.6	Lain-Lain	-	5,000
		<b>3,378,297</b>	<b>1,783,962</b>
<b>20.</b>	<b>BELANJA MENGURUS</b>		
20.1	Gaji dan Emolumen	2,129,638	2,156,015
20.2	Perjalanan, Tambang dan Penginapan	98,733	61,327
20.3	Cukai dan Royalti	1,046,063	800,197
20.4	Perhubungan	68,812	87,020
20.5	Utiliti	695,814	696,502
20.6	Kos Sewaan	35,477	43,013
20.7	Alat Tulis dan Percetakan	52,555	58,712
20.8	Baiki dan Senggaraan Harta	530,330	393,000
20.9	Yuran Pengurusan	180,000	179,500
20.10	Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti	561,372	587,714
20.11	Komisyen Sewa dan Jualan Projek	403,677	195,035
20.12	Kursus dan Latihan	32,347	71,418
20.13	Lain-Lain Belanja	272,971	205,922
		<b>6,107,789</b>	<b>5,535,375</b>
<b>21.</b>	<b>BELANJA KEWANGAN</b>		
21.1	Faedah Pinjaman Kerajaan	6,914,060	6,129,830
21.2	Perkhidmatan Bank	19,470	59,126
31.3	Faedah Simpanan Syarikat Anak	61,970	14,553
31.4	Lain-lain	-	50
		<b>6,995,500</b>	<b>6,203,559</b>



**22. SUSUTNILAI**

		1991 (RM)	1990 RM)
22.1	Bangunan	1,525,718	1,522,923
22.2	Loji, Jentera & Alatan Besar	64,325	67,840
22.3	Perabut dan Kelengkapan Pejabat	37,653	254
22.4	Alatan Pejabat	23,839	14,320
22.5	Kenderaan Pejabat	18,741	19,033
22.6	Sistem Komputer	8,038	-
22.7	Lain-lain Harta	17,159	7,577
		<b>1,695,473</b>	<b>1,631,947</b>

**23. HAPUSKIRA PENDAHULUAN**

23.1	Kelantan Baja Corporation	1,082,838	-
23.2	Kraftangan Kelantan Sdn. Bhd.	103,292	-
23.3.	Unit Memproses Makanan Ringan	71,816	-
		<b>1,257,946</b>	<b>0</b>

**24. HUTANG RAGU**

24.1	Simpanan Tetap (CCB)	200,00	800,000
24.2	Sewa Kilang	-	333,942
24.3	Sewa Bengkel	-	22,291
24.4	Sewa Rumah Kedai/Kediaman	-	364,624
		<b>200,000</b>	<b>1,520,857</b>

**25. ROSOTNILAI PELABURAN**

25.1	Syarikat Kelantan Baja Corporation Sdn Bhd	115,415	-
25.2	Syarikat Kraftangan Kelantan Sdn Bhd	299,999	-
		<b>415,414</b>	<b>0</b>

**26. TANGGUNGAN LUARJANGKAAN**

Perbadanan telah mencagar hartanya, Bangunan Hotel Murni kepada Bank Bumiputera (M) Bhd bagi kemudahan overdraf untuk Syarikat Usahaniaga Kelantan Sdn Bhd dan lain-lain jaminan untuk syarikat yang sama yang mana kesemuanya berjumlah lebih kurang RM500,000.00.

**27. ANGKA BANDINGAN**

Beberapa angka bandingan telah disusun semula untuk menunjukkan perbandingan yang sesuai dengan susunan tahun ini.

*Di Cetak Oleh:* A & D Printing And Stationery Co., Sdn. Bhd.